



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Akta Kewangan (No.2) 1989
DR.39/1989

D.R. 39/89

Naskhah Sahih:

**Bahasa Malaysia—Bab VI
Bahasa Inggeris—Bab II, III,
IV dan V**

**RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN
(No. 2) 1989**

SUSUNAN FASAL

**BAB I
PERMULAAN**

Fasal

1. Tajuk ringkas.
2. Pindaan Akta-Akta dan Ordinan.

**BAB II
PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI
PENDAPATAN 1967**

3. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.
4. Pindaan seksyen 34A.
5. Pindaan seksyen 39.
6. Pindaan seksyen 44.
7. Pindaan Jadual 3.
8. Pindaan Jadual 7A.

**BAB III
PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM
(CUKAI PENDAPATAN) 1967**

9. Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.
10. Pindaan seksyen 18.

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN
TAMBAHAN 1967

Fasal

11. Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967.
12. Pindaan seksyen 16.

BAB V

PINDAAN-PINDAAN KEPADA ORDINAN
SETEM 1949

13. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan Ordinan Setem 1949.
14. Pindaan Jadual Pertama.

BAB VI

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI
PERKHIDMATAN 1975

15. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Perkhidmatan 1975.
16. Pindaan seksyen 1.
17. Pindaan seksyen 2.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, Ordinan Setem 1949 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAB I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kewangan (No. 2) 1989. Tajuk ringkas.

2. Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, Ordinan Setem 1949 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 adalah dipinda mengikut cara yang masing-masingnya dinyatakan dalam Bab II, III, IV, V dan VI. Pindaan Akta-Akta dan Ordinan.
Akta 53.
45/67.
Akta 54.
Ord. 59/49.
Akta 151.

BAB II

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI
PENDAPATAN 1967

Mula
berkuat-
kuasanya
pindaan-
pindaan
kepada
Akta Cukai
Pendapatan
1967.

3. (1) Seksyen 4, 7 dan 8 Bab ini hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1991 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(2) Seksyen 5 dan 6 hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1990 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan
seksyen 34A.
Akta 53.

4. Seksyen 34A Akta Cukai Pendapatan 1967, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 34A dengan yang berikut:

"Special
deduction
for
research
expendi-
ture.

34A. (1) Subject to this section, in ascertaining the adjusted income of a person from a business for the basis period for a year of assessment, a deduction shall be made, as specified in subsection (4), from the gross income from the business for that period in respect of expenditure, not being capital expenditure incurred on plant, machinery, fixtures, land, premises, buildings, structures or works of a permanent nature or on alterations, additions or extensions thereof or in the acquisition of any rights in or over any property, incurred by that person during that period on research—

(a) approved by the Minister; or

(b) undertaken by that person where that person is participating in industrial adjustment approved under section 31A of the Promotion of Investments Act 1986.

Act 327.

(2) The Minister in approving the research pursuant to subsection (1) (a) may impose such conditions as he thinks fit or may specify the period or periods for the purpose of deduction under this section.

(3) A deduction for expenditure on research pursuant to subsection (1) (b) shall be made in respect of expenditure incurred within ten years from the date of approval of industrial adjustment under section 31A of the Promotion of Investments Act 1986.

(4) The amount of deduction to be made under subsection (1) shall be twice the amount of expenditure, not being capital expenditure, referred to in that subsection.

(5) Where any deduction in respect of expenditure on research is made under this section, no deduction in respect of that expenditure shall be made under section 33 or 34.”.

5. Seksyen 39 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perenggan (h) subseksyen (1). Pindaan seksyen 39.

6. Seksyen 44 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 44.

(a) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (d) subseksyen (7) dalam takrif “organisation” dengan koma, bertitik dan memasukkan, selepas itu, perkataan “or”; dan

(b) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (d), perenggan baru (e) yang berikut:

“(e) an organisation engaged in or in connection with the conservation or protection of animals.”.

7. Jadual 3 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
Jadual 3.

(a) dengan memotong perkataan “industrial” dalam tajuk kepada perenggan 37B; dan

- (b) dengan menggantikan perenggan 37B dengan yang berikut:

“37B. The provisions of this Schedule relating to industrial building shall apply, *mutatis mutandis*, to a building or part thereof being in use for the purpose of—

(a) research approved by the Minister within the meaning of section 34A (1) (a);

(b) research undertaken by a company which is participating in industrial adjustment approved under section 31A of the Promotion of Investments Act 1986;

(c) industrial training approved by the Minister; or

(d) training undertaken by a company mentioned in subparagraph (b) in respect of its employees,

Act 327.

and in such application, the reference to capital expenditure incurred on the construction of a building or part thereof, shall include any capital expenditure incurred on the alteration or renovation of rented premises for the purpose of carrying on therein such research, industrial training or training and the building or part thereof shall be deemed to be in use for the purposes of the business referred to in section 34A, notwithstanding that in the case of research referred to in paragraph (a), such research is not related to that business:

Provided that the provisions of this Schedule relating to industrial building shall not apply to capital expenditure incurred on a building or part thereof for the purpose mentioned in subparagraph (b) or (d) where such expenditure is incurred after ten years

from the date of approval of industrial adjustment under section 31A of the Promotion of Investments Act 1986.”.

8. Jadual 7A Akta itu adalah dipinda—

Pindaan
Jadual 7A.

- (a) dengan menomborkan semula subperenggan (a) dan (b) perenggan 8 masing-masing sebagai subperenggan (a) (i) dan (ii);
- (b) dengan menggantikan noktah di hujung sub-subperenggan (ii) subperenggan (a) perenggan 8 dengan koma bertitik dan memasukkan, selepas itu, perkataan “or”; dan
- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja subperenggan (a) perenggan 8, subperenggan baru (b) yang berikut:

Act 327.

“(b) a project undertaken by a company which is participating in industrial adjustment approved under section 31A of the Promotion of Investments Act 1986, in expanding its existing business or modernising its production techniques or processes.”.

BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

9. Bab ini hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1990 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

10. Seksyen 18 Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 adalah dipinda dengan memotong perenggan (l) subseksyen (1).

Pindaan seksyen 18. 45/67.

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN
TAMBAHAN 1967

Mula ber-
kuatkuasa-
nya pindaan
kepada Akta
Cukai Pen-
dapatan
Tambahan
1967.

11. Bab ini hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1990 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan
seksyen 16.
Akta 54.

12. Seksyen 16 Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "five per cent" dalam perenggan (a) dan (b) dengan perkataan-perkataan "four per cent".

BAB V

PINDAAN-PINDAAN KEPADA ORDINAN SETEM 1949

Mula ber-
kuatkuasa-
nya pindaan-
pindaan
Ordinan
Setem 1949.

13. Bab ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1990.

Pindaan
Jadual
Pertama
Ord. 59/49.

14. Jadual Pertama Ordinan Setem 1949 adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (e) pengecualian-pengecualian di bawah butiran 4 dengan koma bertitik dan memasukkan, selepas sahaja perenggan itu, perenggan baru (f) yang berikut:

“(f) for the repurchase of negotiable certificate of deposit whose issue has been authorised by Bank Negara Malaysia.”; dan

(b) dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan (v) perenggan (b) pengecualian-pengecualian di bawah butiran 32 dengan koma bertitik dan memasukkan, selepas sahaja subperenggan itu, perenggan baru (c) yang berikut:

“(c) Transfer of units of a unit trust.”.

BAB VI

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI
PERKHIDMATAN 1975

15. Bab ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 28hb Oktober 1989. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Perkhidmatan 1975.
16. Seksyen 1 Akta Cukai Perkhidmatan 1975, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "tidak termasuk Langkawi" dalam subseksyen (1), perkataan-perkataan "dan Labuan". Pindaan seksyen 1. Akta 151.
17. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja takrif "Ketua Pengarah", Takrif baru yang berikut: Pindaan seksyen 2.
- “Labuan” ertinya Pulau Labuan dan pulau-pulau tanggungannya, iaitu, Rusukan Besar, Rusukan Kecil, Keraman, Burong, Papan dan Daat;’.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, Ordinan Setem 1949 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

*Bab II—Pindaan-Pindaan Kepada Akta Cukai
Pendapatan 1967*

2. Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 34A untuk membenarkan potongan dua kali berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan ke atas penyelidikan yang dikendalikan oleh sesuatu syarikat yang menyertai program pelarasan perindustrian yang diluluskan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Potongan ini hanya diberi berkenaan dengan perbelanjaan penyelidikan yang dilakukan oleh syarikat itu dalam masa sepuluh tahun dari tarikh kelulusan program pelarasan perindustrian itu. Pindaan ini berkuatkuasa dari tahun taksiran 1991.

3. Seksyen 39 (1) (h) memperuntukkan sekatan potongan berkenaan dengan pembayaran bonus yang dibuat kepada seseorang pekerja dalam menentukan pendapatan laran daripada sesuatu perniagaan. *Fasal 5* bertujuan meminta seksyen ini untuk menghapuskan sekatan demikian supaya apa-apa pembayaran bonus yang dibuat kepada seseorang pekerja sekarang boleh dipotong sepenuhnya. Pindaan ini berkuatkuasa dari tahun taksiran 1990.

4. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 44 (7) supaya derma wang tunai yang dibuat kepada sesuatu organisasi yang terlibat dalam atau berhubungan dengan pemeliharaan atau perlindungan binatang-binatang boleh melayakkannya untuk mendapat pelepasan cukai dalam tangan penderma-penderma. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1990.

5. *Fasal 7* bertujuan meminda perenggan 37B Jadual 3 untuk membenarkan elaun bangunan perindustrian diberi berkenaan dengan perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas sesuatu bangunan yang digunakan untuk penyelidikan atau latihan yang dijalankan oleh sesuatu syarikat yang menyertai program pelarasan perindustrian yang diluluskan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Elaun bangunan perindustrian diberi hanya berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam masa sepuluh tahun dari tarikh kelulusan program pelarasan perindustrian itu. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1991.

6. *Fasal 8* bertujuan meminda Jadual 7A supaya sesuatu syarikat yang menyertai program pelarasan perindustrian yang diluluskan layak mendapat elaun pelaburan semula atas perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas sesuatu kilang atau loji atau jentera bagi maksud-maksud sesuatu projek yang dikendalikan oleh syarikat itu dalam mengembangkan perniagaannya yang wujud atau untuk memodenkan proses atau teknik pengeluarannya. Elaun pelaburan semula tidak boleh didapati oleh syarikat yang menikmati elaun pelarasan perindustrian di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1991.

Bab III—Pindaan Kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967

7. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 18 untuk menghapuskan sekatan potongan berkenaan dengan pembayaran bonus yang dibuat kepada pekerja. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1990.

*Bab IV—Pindaan Kepada Akta Cukai Pendapatan
Tambahan 1967*

8. *Fasal 12* bertujuan meminda seksyen 16 untuk mengurangkan kadar cukai pembangunan daripada lima peratus kepada empat peratus mulai dari tahun taksiran 1990.

Bab V—Pindaan Kepada Ordinan Setem 1949

9. *Fasal 14* bertujuan meminda Jadual Pertama kepada Ordinan Setem 1949 untuk memperuntukkan pengecualian duti-duti setem berkenaan dengan kontrak pembelian bagi perakuan simpanan bolehniaga dan berkenaan dengan suratcara pemindahan bagi unit-unit dalam amanah unit. Pindaan ini mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1990.

*Bab VI—Pindaan Kepada Akta Cukai
Perkhidmatan 1975*

10. *Fasal 16* bertujuan meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 untuk mengecualikan Labuan daripada pemakaian Akta itu. Pindaan ini disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 28hb Oktober 1989.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. 200/43/1.]